

14/05/1999

Awasi perosak budaya Melayu

Kamal Ahmad; Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mengingatkan Umno supaya membendung percubaan sebuah parti pembangkang untuk merosakkan budaya orang Melayu, institusi keluarga dan masyarakat.

Presiden Umno berkata, ahli parti di semua peringkat perlu tegas menangani tindak-tanduk parti pembangkang berkenaan, yang giat menukar budaya kesopanan, tertib, menghormati ibu bapa dan orang tua, bersyukur, berterima kasih dan menghargai jasa, menjadi sebaliknya.

"Inilah percubaan menukar budaya orang Melayu supaya dipengaruhi hanya pemikiran dan kebencian kepada sesuatu supaya apabila (rakyat) benci kepada orang itu dan parti ini serta kerajaan, mereka akan dapat sokongan.

"Ini sedang dicuba. Budaya benci menggantikan budaya kasih sayang, kemesraan dan sopan santun yang menjadi tonggak budaya orang Melayu dan umat Islam," katanya berucap merasmikan Bangunan Umno Selangor di Jalan Perbandaran, di sini pagi ini.

Hadir sama ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar, dan pemimpin Umno negeri serta wakil parti komponen Barisan Nasional.

Dr Mahathir berkata, Umno harus mengawasi kegiatan itu dan tidak boleh membenarkan anak-anak dihasut sehingga mereka bukan saja tidak menyertai parti itu tetapi tidak menghormati institusi ibu bapa.

"Institusi keluarga sudah tidak dihormati lagi. Kalau kita biar ini berlaku, suatu hari keluarga kita akan pecah, masyarakat akan pecah dan kita akan terumbang-ambing tidak tahu ke mana hendak di tuju dalam kehidupan ini," katanya.

Menurut Perdana Menteri, usaha merosakkan budaya Melayu dan institusi keluarga itu termasuk mempengaruhi kanak-kanak yang dihantar di taman bimbingan menghasut murid sekolah rendah serta pelajar sekolah menengah dan universiti.

Beliau memberi contoh, guru yang menyokong parti itu sanggup mengajar kanak-kanak membenci orang dan pemimpin tertentu dengan memberi kepada mereka gambar orang berkenaan untuk dipijak-pijak.

"Mereka ini pergi untuk menghasut sehingga ada anak orang Umno sendiri sekarang ini berpendapat ibu bapa mereka yang berjuang melalui Umno adalah salah.

"Anak kecil diajar mengkritik ibu bapa sedangkan dalam budaya kita, ibu bapa mesti dihormati oleh anak. Sudah ada anak kecil yang menyoal sama ada makanan yang di rumah halal atau tidak.

"Tujuan mereka menghasut kanak-kanak ini ialah supaya apabila kanak-kanak ini sudah dewasa, mereka akan menolak perjuangan politik ibu bapa mereka. Kalau ibu bapa mereka dari parti Umno, maka mereka berharap anak-anak ini akan menolak Umno dan menyertai parti yang kononnya mendokong ajaran Islam," katanya tanpa menamakan parti berkenaan.

Dr Mahathir berkata, pemimpin parti pembangkang itu juga giat menanam rasa benci terhadap pihak yang berjaya membangunkan negara, parti dan pemimpin kerajaan.

Turut menyedihkan, katanya, ialah kenyataan tokoh tertentu dalam parti itu kononnya memaki hamun, mencarut dan bercakap kesat dibenarkan Islam. Lebih malang lagi, perbuatan itu dipandang dingin oleh mereka yang berpengetahuan dalam bidang agama.

"Saya sedih sekali kerana orang-orang yang terpelajar dalam bidang agama tidak berkata apa-apa seolah-olah menerima bahawa mencarut adalah amalan

Tuhan seperti yang dikatakan oleh seorang pemimpin parti lawan," katanya.

"Kalau kita dapati mereka menyalahgunakan masjid dan tempat yang kita bina untuk kebaikan masyarakat, maka haruslah kita ambil tindakan mencegah.

"Jika tidak, maka mereka berharap hasutan mereka itu akan berjaya menanamkan kebencian kepada orang yang menyumbang kepada kebaikan mereka sehingga mereka menolak semua pihak yang berkhidmat sekian lama sejak 42 tahun merdeka.

"Dengan itu, dapatlah mereka mencapai cita-cita untuk memenangi pilihan raya dan menjadi kerajaan," katanya.

(END)